- (ii) dengan menggantikan perkataan “books or documents” dengan perkataan “books, documents, objects, articles, materials and things”; dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “books or documents” dengan perkataan “books, documents, objects, articles, materials and things”.

Pindaan seksyen 107C

19. Seksyen 107C Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “paragraph (4)(a)” perkataan “and subsection (4A)”;
- (b) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan “company” di mana-mana jua terdapat perkataan “, other than a company to which subsection (4A) applies”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Where a company first commences operation in a year of assessment, subsections (1), (2) and (3) shall not apply to the company—

(a) for that year of assessment and the immediate following year of assessment; or

(b) where the company has no basis period for that year of assessment, for the immediate two following years of assessment:

Provided that at the beginning of the basis period for the years of assessment referred to in paragraph (a) or for the two following years of assessment referred to in paragraph (b), the paid-up capital of that company in respect of ordinary shares is two million five hundred thousand ringgit and less.”.

Pindaan seksyen 108

20. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 108 dengan seksyen yang berikut:

“Non-deduction of tax from dividend

108. Where a dividend is paid or credited by a company to any of its shareholders in the basis period for a year of assessment, the company shall not be entitled to deduct tax from such dividend paid or credited.”.

Pindaan seksyen 109

21. Subseksyen 109(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “33 or 35” dengan perkataan “33, 33A, 33B, 35 or 35A”.

Seksyen baru 109E

22. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 109D seksyen yang berikut:

“Deduction of tax on the distribution of income of a family fund, etc.

109E. (1) This section shall only apply to profits distributed or credited out of family fund, family re-takaful fund or general fund under section 60AA.

(2) Where a takaful operator (in this section referred to as “the payer”) distributes or credits any amount of income to a participant other than participant which is a resident company which is deemed to be derived from Malaysia, the payer shall upon distributing or crediting the amount—

- (a) deduct from the proportion of that amount, tax at the rate applicable to that proportion; and
- (b) whether or not that tax is so deducted, within one month after distributing or crediting such amount, render an account and pay the amount of tax to the Director General.

(3) The Director General may in relation to subsection (2)—

- (a) give notice in writing to the payer requiring him to deduct and pay tax at any other rates or to distribute or credit the income without deduction of tax; or
- (b) under special circumstances, allow extension of time for the amount of tax deducted to be paid over.

(4) Where the payer fails to pay any amount due from him under subsection (2), that amount which he fails to pay shall be increased by an amount equal to ten per cent of the income liable to deduction of tax under that subsection and the total sum shall be a debt due from him to the Government and shall be payable forthwith to the Director General.

(5) Where in pursuance of this section any amount is paid to the Director General by the payer or recovered by the Director General from the payer and if the payer has not deducted that amount in distributing the income under subsection (2) with respect to which that amount relates, the payer may recover that amount from that participant as a debt due to the payer.

(6) The proportion of amount referred to in subsection (2) shall be ascertained in accordance with the formula prescribed by the Minister.”.

Pindaan seksyen 110

23. Seksyen 110 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Any tax which is deducted from any interest or royalty under section 109 or from any payment for services, technical advice, assistance, or rental or other income under section 109B (including any amount recovered by the Director General pursuant to subsection 109(2) or 109B(2) but excluding any increase thereof) shall, when the interest, royalty, or payment for services, technical advice, assistance, or rental or other income is gross income of a person from a source of his for the basis period for a year of assessment, be set off against the tax charged on his chargeable income, if any, for that year.”;

(b) dengan memotong subseksyen (1A);

(c) dalam subseksyen (2)—

(i) melainkan dalam subperenggan (b)(ii), dengan memotong perkataan “dividend,”; dan

(ii) dalam subperenggan (b)(ii), dengan memotong perkataan “a dividend,”;

- (d) dalam subseksyen (4), (5) dan (7), dengan memotong perkataan “dividend,” di mana-mana jua terdapat; dan
- (e) dengan memotong subseksyen (13).

Pemotongan seksyen 110A

24. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 110A.

Seksyen baru 110B

25. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 110A seksyen yang berikut:

“Set-off for tax charged on actuarial surplus

110B. (1) Notwithstanding section 110, where for a basis period for a year of assessment an amount of actuarial surplus from the life fund of an insurer is transferred to the shareholders’ fund pursuant to subsection 60(3A) or (4A), any amount of tax charged on the portion of that surplus shall be set off against the tax charged on the chargeable income from the shareholders’ fund of that insurer in respect of the life business.

(2) Where—

- (a) tax is set off under this section against the tax charged on the chargeable income of an insurer from its shareholders’ fund in respect of life business for a year of assessment and the amount of the tax set-off exceeds the tax charged for that year, the excess shall be disregarded; or
- (b) there is no tax charged for that year, so much of the amount of tax that would otherwise be set off but for the absence of such tax charged shall be disregarded.

(3) For the purposes of this section, tax charged on the chargeable income of an insurer from its shareholders' fund in respect of life business shall consist of an amount of tax before taking into account the tax set-off under section 110.

(4) The portion of the surplus referred to in subsection (1) shall be ascertained in accordance with the formula prescribed by the Minister.”.

Pindaan seksyen 111

26. Seksyen 111 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1A)—

(i) dengan menggantikan perkataan “company” dengan perkataan “person”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “with” perkataan “subsection 77(1)”; dan

(b) dengan memotong subseksyen (5).

Pemotongan seksyen 111A

27. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 111A.

Pindaan seksyen 120

28. Subseksyen 120(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung perenggan (e) perkataan “or”;

(b) dengan menggantikan perkataan “; or” di hujung perenggan (f) dengan koma; dan

(c) dengan memotong perenggan (g).

Pindaan seksyen 127

29. Subseksyen 127(5) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “108,” di mana-mana jua terdapat.

Seksyen baru 142A

30. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 142 seksyen yang berikut:

“Admissibility of electronic record

142A. (1) Notwithstanding any other written law, where in any proceedings under this Act an electronic record of—

- (a) any prescribed form is furnished by way of electronic transmission under section 152A; or
- (b) any other document is stored, communicated or received on an electronic medium or by way of electronic transmission,

the electronic record or the copy or print-out of that electronic record shall be admissible as evidence of the facts stated or contained therein:

Provided that the record or the copy or print-out is—

- (i) certified by the Director General to contain all or any information furnished, stored, communicated or received on an electronic medium or by way of electronic transmission under this section; or
- (ii) otherwise authenticated in the manner provided in the Evidence Act 1950 for authentication of documents produced by computer.

(2) Where the electronic record of any form prescribed under this Act or any other document, or a copy or print-out of that record is admissible under subsection (1), it shall be presumed, until the contrary is proved, that the record or the copy or print-out accurately reproduces the content of that form or document.

(3) For the purposes of this Act, “electronic medium” includes a data, text, image or any other information stored, received or communicated by means of electronic, magnetic, optical, imaging or any other data processing device.”.

Pindaan seksyen 152A

31. Seksyen 152A Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) For the purposes of subsection (1), a person may authorize in writing a tax agent to furnish on his behalf any return in the prescribed form in the manner provided for in subsection (1).

(4) A return furnished in accordance with subsection (3) on behalf of any person shall be presumed to have been furnished on that person’s authority, until the contrary is proved, and the person shall be deemed to be cognizant of its contents.

(5) Where subsection (3) applies—

(a) the person who authorizes the tax agent shall make a declaration in the form prescribed under this Act stating that—

(i) the tax agent is authorized to furnish a return to the Director General on his behalf; and

(ii) the information provided by him to the tax agent for the preparation of the return is true and correct;

(b) the tax agent shall make a declaration in the return furnished in accordance with subsection (1) stating that—

(i) the return is prepared in accordance with the information given by the person; and

(ii) he has received a declaration made by the person under paragraph (a);

(c) the person shall keep and retain in safe custody such return being the hard copy of the form so furnished and that copy shall be made under processes and procedures which are designed to ensure that the information contained in the return shall be the only information furnished in accordance with this section;

- (d) the hard copy shall be signed by the person; and
- (e) the hard copy in paragraph (c) and the declaration made under paragraph (a) shall be kept and retained for a period of seven years from the end of the year of assessment in which the return is furnished.

(6) Any form referred to in subsection (1) is deemed to have been furnished by a person to the Director General on the date on which acknowledgement of receipt of the form is transmitted electronically by the Director General to the person.”.

Pindaan seksyen 153

32. Seksyen 153 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen yang berikut:

“(6) An approval or renewal of an approval under this section shall be valid for—

- (a) a minimum period of twenty-four months beginning from the date of such approval or renewal; or
- (b) any other period as approved by the Minister which shall not be less than twenty-four months beginning from the date of such approval or renewal.”.

Pindaan Jadual 1

33. Jadual 1 kepada Akta ibu dipinda—

(a) dalam Bahagian I—

- (i) dalam perenggan 2 dan 2A, dengan menggantikan perkataan “27 per cent” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “26 per cent for the year of assessment 2008 and 25 per cent for the subsequent years of assessment”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan 3 perenggan yang berikut:

“4. Income tax shall be charged for a year of assessment on the chargeable income of an operator from inward re-takaful business or offshore takaful business at the rate of 5 per cent on every ringgit of the chargeable income.”;

- (b) dalam Bahagian X dalam subperenggan 1(b), dengan menggantikan perkataan “27 % of gross” dengan perkataan “26% of gross for the year of assessment 2008 and 25% of gross for the subsequent years of assessment”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas Bahagian X Bahagian yang berikut:

“Part XI

Notwithstanding Part I, income tax shall be charged on the income of—

- (a) a participant other than a participant which is a resident company consisting of income distributed to that participant referred to in section 109E which is derived from Malaysia at the rate of8% of gross; and
- (b) a participant which is a non-resident company consisting of income distributed to that participant referred to in section 109E which is derived from Malaysia at the rate of 26% of gross for the year of assessment 2008 and 25% of gross for the subsequent years of assessment.

Part XII

Notwithstanding Part I and Part II, income tax shall be charged on the chargeable income of a family fund referred to in section 60AA, other than income arising from family solidarity re-takaful business and inward family solidarity re-takaful business, of a resident or non-resident operator at the rate of8 per cent.”.

Pindaan Jadual 3

34. Jadual 3 kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perenggan 38 perenggan yang berikut:

“38A. (1) Paragraphs 39 and 40 shall apply where a company disposes of an asset in respect of industrial building to a unit trust in relation to which an initial or annual allowance has been made or would have been made, if claimed, to the company.

(2) For the purpose of this paragraph, “unit trust” has the same meaning assigned to it under section 61A.”; dan

- (b) dalam perenggan 40 dengan memasukkan selepas perkataan “38,” perkataan “38A,”.

Pindaan Jadual 5

35. Jadual 5 kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperenggan 1(3) dengan subperenggan yang berikut:

“(3) Two or more hearing of appeals may be heard concurrently at any one time, and if the Chairman of the Special Commissioners—

(a) is presiding at the hearing of one of the appeals, the Special Commissioners present at the hearing of the other appeals; or

(b) has not been appointed or is not present at the hearing of any of the appeals, the Special Commissioners present at the hearing of the appeals,

shall choose one of their number (who shall be a person with experience of the kind mentioned in subparagraph (1)) to preside at the hearing of the other appeal or appeals, as the case may be.”;

- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (1) perenggan yang berikut:

“1A. If any one of the Special Commissioners who has commenced hearing any of the appeals is unable to complete the hearing due to expiration of the term of his appointment or other reason, the hearing may, with the consent of both parties, be heard afresh or continued by the remaining Special Commissioners with another Special Commissioner.”;

- (c) dalam subsubperenggan 17(1)(b), dengan memasukkan selepas perkataan “party,” perkataan “or may dismiss the appeal if the defaulting party is the appellant,”;

- (d) dalam subsubperenggan 17(2)(a), dengan memasukkan selepas perkataan “decide” perkataan “or dismiss”; dan
- (e) dengan memasukkan selepas perenggan 23 perenggan yang berikut:
 - “23A. For the purpose of paragraph 23, “deciding order” includes an order where the Special Commissioners dismiss an appeal under paragraph 17.”.

Pindaan Jadual 6

36. Jadual 6 kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perenggan 12A perenggan yang berikut:
 - “12B. Any dividend paid, credited or distributed to any person where the company paying such dividend is not entitled to deduct tax under this Act and any expenses incurred in relation to such dividend shall be disregarded for the purpose of this Act.”;
- (b) dalam subperenggan 13(1), dengan memotong perkataan “, other than dividend income,”;
- (c) dalam perenggan 17—
 - (i) dengan menggantikan noktah bertindih dengan noktah; dan
 - (ii) dengan memotong proviso;
- (d) dalam subsubperenggan 25(1)(c)—
 - (i) dengan menggantikan noktah bertindih dengan noktah; dan
 - (ii) dengan memotong proviso;
- (e) dalam perenggan 26—
 - (i) dengan menggantikan noktah bertindih dengan noktah; dan
 - (ii) dengan memotong proviso;

- (f) dalam perenggan 33A, dengan menggantikan subperenggan (b) dengan subperenggan yang berikut:

“(b) in respect of debentures issued in Ringgit or Islamic securities issued in any currency, other than convertible loan stock, approved by the Securities Commission.”; dan

- (g) dengan memasukkan selepas perenggan 33A perenggan yang berikut:

“**33B.** Interest paid or credited to any individual not resident in Malaysia, other than such interest accruing to a place of business in Malaysia of such individual in respect of Islamic securities, other than convertible loan stock—

(a) issued in any currency other than Ringgit; and

(b) approved by the Securities Commission.”.

Pindaan Jadual 7A

- 37.** Jadual 7A kepada Akta ibu dipinda—

(a) dengan memotong subperenggan 5(7);

(b) dalam perenggan 7—

(i) dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung subperenggan (d) perkataan “or”;

(ii) dengan menggantikan perkataan “or” di hujung subperenggan (e) dengan noktah; dan

(iii) dengan memotong subperenggan (f); dan

(c) dalam subperenggan 8(d)—

(i) dengan menggantikan noktah dengan noktah bertindih; dan

(ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (d) proviso yang berikut:

“Provided that this subparagraph shall not apply from the year of assessment 2011 and subsequent years of assessment.”.

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN KECUALIAN DAN PERALIHAN

Peruntukan am

38. (1) Akta ibu hendaklah terpakai bagi maksud Bahagian ini melainkan jika diperuntukkan selainnya.

(2) Jika terdapat apa-apa ketidakselarasan antara mana-mana peruntukan Bahagian ini dengan mana-mana peruntukan Akta ibu, peruntukan Akta ibu itu adalah terbatal setakat ketidakselarasan itu.

Baki kredit

39. (1) Bagi maksud Bahagian ini, baki kredit bagi sesuatu syarikat setakat 31 Disember 2007 (kemudian daripada ini disebut dalam Bahagian ini sebagai “baki 108”) hendaklah terdiri daripada—

- (a) amaun baki kredit bagi syarikat itu pada akhir tempoh asas bagi tahun taksiran 2007 yang ditentukan di bawah subseksyen 108(8) Akta ibu sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini;
- (b) amaun baki kredit bagi syarikat itu yang ditentukan di bawah seksyen 23 Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000 [*Akta A1093*] setakat 31 Disember 2007; dan
- (c) jika tempoh asas syarikat itu bagi tahun taksiran 2007 berakhir—
 - (i) pada hari selain 31 Disember 2007, mana-mana cukai yang dibayar dalam tempoh bermula dari hari pertama tempoh asas syarikat itu bagi tahun taksiran 2008 hingga 31 Disember 2007; atau
 - (ii) pada 31 Disember 2007, ansuran terakhir yang dibayar di bawah seksyen 107c Akta ibu berkenaan dengan tempoh asas itu.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subperenggan (c)(ii), mana-mana cukai yang dibayar atau cukai yang dikenakan atas mana-mana taksiran atau taksiran komposit yang dibuat selepas 31 Disember 2007 tidak boleh ditambah kepada baki 108 atau baki 108 tersemak.

(3) Dalam seksyen ini, “cukai yang dibayar” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 108(14) Akta ibu sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.

Dividen yang dibayar atau dikreditkan oleh syarikat

40. (1) Jika—

(a) suatu dividen dibayar atau dikreditkan oleh sesuatu syarikat kepada mana-mana pemegang syer pada bila-bila masa dalam tempoh mulai 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2013; dan

(b) syarikat itu mempunyai baki 108 atau baki 108 tersemak pada hari sebelum dividen itu dibayar atau dikreditkan,

dan, jika dividen itu disifatkan sebagai terbit dari Malaysia menurut kuasa seksyen 14 Akta ibu syarikat itu layak untuk memotong cukai pada kadar yang terpakai bagi syarikat itu pada tarikh dividen itu dibayar atau dikreditkan.

(2) Dividen yang dibayar atau dikreditkan di bawah subseksyen (1) hendaklah terdiri daripada dividen yang dibayar secara tunai berkenaan dengan pemegangan syer biasa.

(3) Dalam Bahagian ini, “pemegangan syer biasa” ertinya mana-mana pemegangan syer selain syer yang hanya memberi hak kepada mana-mana dividen pada amaun tetap atau peratus kadar tetap nilai nominal syer, atau peratus kadar tetap keuntungan syarikat itu.

Dividen yang dibayar atau dikreditkan pada atau sebelum 31 Disember 2007

41. Jika tempoh asas sesuatu syarikat bagi tahun taksiran 2007 berakhir pada suatu hari selain 31 Disember 2007 dan syarikat itu membayar atau mengkredit dividen kepada pemegang syernya

dalam tempoh dari hari pertama tempoh asas yang berikutnya hingga 31 Disember 2007, maka, jika dividen itu disifatkan sebagai terbit dari Malaysia menurut kuasa seksyen 14 Akta ibu, syarikat itu layak untuk memotong cukai pada kadar yang terpakai bagi syarikat itu pada tarikh dividen itu dibayar atau dikreditkan.

Cukai disifatkan dipotong

42. Jika sesuatu syarikat membayar, mengkredit atau mengagihkan tanpa potongan cukai sesuatu dividen yang daripadanya syarikat itu layak membuat potongan cukai di bawah Bahagian ini, dividen itu hendaklah disifatkan sebagai dividen bagi suatu amaun kasar sebagaimana yang ditentukan mengikut formula—

$$\frac{1}{(1-A)} \times B$$

apabila A ialah kadar yang terpakai bagi syarikat itu pada masa pembayaran, pengkreditan atau pengagihan dividen;

B ialah amaun yang sebenarnya dibayar atau dikreditkan, atau jika seksyen 41 terpakai dan dividen itu terdiri daripada harta selain wang, amaun nilai pasaran harta itu pada masa pengagihan dividen itu,

dan suatu jumlah yang bersamaan dengan perbezaan antara amaun kasar itu dengan amaun dalam B menurut formula di atas hendaklah disifatkan telah dipotong daripada dividen itu sebagai cukai.

Semakan kadar cukai

43. Walau apa pun mana-mana peruntukan lain Bahagian ini, jika suatu dividen dibayar, dikreditkan atau diagihkan dengan atau tanpa potongan cukai di bawah Bahagian ini, dan terdapat semakan pada kadar cukai syarikat bagi mana-mana tahun taksiran (dalam seksyen ini disebut “kadar tersemak”), amaun dividen yang diterima oleh pemegang syer hendaklah disifatkan sebagai dividen bagi suatu amaun kasar yang ditentukan mengikut formula—

$$\frac{1}{(1-A)} \times B$$

apabila A ialah kadar yang disemak yang terpakai bagi syarikat itu pada masa pembayaran, pengkreditan atau pengagihan dividen;

B ialah amaun yang sebenarnya dibayar atau dikreditkan, atau jika seksyen 41 terpakai dan dividen itu terdiri daripada harta selain wang, amaun nilai pasaran harta itu pada masa pengagihan dividen itu,

dan suatu jumlah yang bersamaan dengan perbezaan antara amaun kasar itu dengan amaun dalam B menurut formula di atas hendaklah disifatkan telah dipotong daripada dividen itu sebagai cukai.

Sijil kepada pemegang syer

44. Tiap-tiap syarikat hendaklah setelah membayar, mengkreditkan atau mengagihkan kepada pemegang syer suatu dividen yang baginya seksyen 40 atau 41 terpakai (sama ada cukai dipotong daripadanya atau tidak) mengemukakan kepada pemegang syer suatu sijil berkenaan dengan dividen itu yang menyatakan—

- (a) dividen kasar yang dibayar kepada pemegang syer;
- (b) amaun cukai—
 - (i) yang syarikat itu layak untuk memotong di bawah seksyen 40 atau 41; atau
 - (ii) yang disifatkan telah dipotong oleh syarikat itu di bawah seksyen 42; dan
- (c) amaun yang sebenarnya dibayar atau dikreditkan atau jika seksyen 41 terpakai dan dividen itu terdiri daripada harta selain wang, amaun nilai pasaran harta itu pada masa pengagihan dividen itu.

Penyata kepada Ketua Pengarah

45. (1) Jika—

- (a) seksyen 40 terpakai, syarikat itu hendaklah—
 - (i) dalam masa 30 hari dari tarikh dividen dibayar atau dikreditkan kepada pemegang syernya, mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata

dalam borang yang ditetapkan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud menentukan baki 108 atau baki 108 tersemak; dan

- (ii) walau apa pun subperenggan (i), dalam masa 7 bulan berikutan dengan penutupan tempoh perakaunan yang merupakan tempoh asas syarikat itu bagi tahun taksiran 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013, atau 2014 (jika terpakai) mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata dalam borang yang ditetapkan yang mengandungi butir-butir sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud menentukan baki 108 atau baki 108 tersemak atau mana-mana lebihan di bawah seksyen 48 pada akhir tempoh asas itu;
- (b) seksyen 41 terpakai, syarikat itu hendaklah dalam masa 30 hari dari 31 Disember 2007 mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata dalam borang yang ditetapkan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud menentukan baki 108 atau mana-mana lebihan di bawah seksyen 48; atau
- (c) syarikat itu tidak layak untuk memotong cukai atas dividen yang dibayar atau dikreditkan dalam tempoh dari 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2013, syarikat itu hendaklah dalam masa tujuh bulan berikutan dengan penutupan tempoh perakaunan yang merupakan tempoh asas syarikat itu bagi tahun taksiran 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013, atau 2014 (jika terpakai) mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata dalam borang yang ditetapkan yang mengandungi butir-butir dividen yang dibayar atau dikreditkan itu.

(2) Kegagalan syarikat itu untuk mematuhi subseksyen (1) merupakan suatu kesalahan di bawah subseksyen 120(1) Akta ibu.

(3) Suatu penyata di bawah seksyen ini boleh dikemukakan kepada Ketua Pengarah mengikut seksyen 152A Akta ibu.

Baki 108 tersemak

46. Jika dalam tempoh dari hari pertama tempoh asas bagi tahun taksiran 2008 hingga 31 Disember 2013—

- (a) cukai yang dikenakan ke atas pendapatan kena cukai sesuatu syarikat bagi tahun taksiran 2000 berasaskan tahun semasa dan tahun taksiran sebelumnya telah dilepaskan atau diremitkan; atau
- (b) apa-apa amaun cukai yang dibayar oleh syarikat itu yang telah diambil kira bagi maksud pengiraan baki 108 dibayar balik,

baki 108 syarikat itu, hendaklah pada hari cukai itu dilepaskan, diremitkan atau dibayar balik, dikurangkan mengikut apa-apa amaun cukai yang dilepaskan, diremitkan atau dibayar balik (dalam Bahagian ini disebut sebagai “baki 108 tersemak”).

Pengurangan baki 108

47. Jika sesuatu syarikat telah membayar atau mengkreditkan dividen kepada mana-mana pemegang syernya—

- (a) pada mana-mana tarikh dalam tempoh dari hari pertama tempoh asas bagi tahun taksiran 2008 hingga 31 Disember 2007, dalam hal jika tempoh asas sesuatu syarikat bagi tahun taksiran 2007 berakhir pada suatu hari selain 31 Disember 2007; atau
- (b) pada mana-mana tarikh dalam tempoh dari 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2013,

yang daripada dividen itu cukai telah dipotong atau disifatkan telah dipotong mengikut Bahagian ini, baki 108 atau baki 108 tersemak hendaklah dikurangkan mula-mulanya mengikut amaun cukai dipotong sedemikian atau yang disifatkan telah dipotong sedemikian berkenaan dengan perenggan (a) sehingga baki 108 atau baki 108 tersemak itu dikurangkan sehingga menjadi sifar.

Dividen yang dibayar melebihi baki 108 tersemak

48. (1) Jika seksyen 46 terpakai dan sesuatu syarikat telah memotong cukai atas mana-mana dividen yang dibayar atau dikreditkan kepada pemegang syernya mengikut Bahagian ini, dan amaun yang dipotong itu melebihi baki 108 tersemak, lebihan

itu hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar oleh syarikat itu kepada Kerajaan dan hutang itu menjadi terhutang dan kena dibayar pada tarikh kena dibayar.

(2) Jika mana-mana lebihan yang terhutang dan kena dibayar oleh sesuatu syarikat di bawah subseksyen (1) tidak dibayar pada tarikh kena dibayar, lebihan itu yang tidak dibayar pada habis tempoh tarikh itu hendaklah, tanpa apa-apa notis selanjutnya disampaikan, dinaikkan dengan suatu amaun yang bersamaan dengan sepuluh peratus lebihan yang tidak dibayar sedemikian, dan amaun yang tidak dibayar itu dan kenaikan atas amaun yang tidak dibayar itu hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar oleh syarikat itu kepada Kerajaan dan hutang itu kena dibayar dengan serta-merta kepada Ketua Pengarah.

(3) Dalam seksyen ini, “tarikh kena dibayar” ertinya hari terakhir pada bulan ketujuh dari tarikh yang berikutan dengan tarikh penutupan tempoh perakaunan syarikat itu yang baginya seksyen 44 terpakai.

Cukai tidak dipotong

49. (1) Sesuatu syarikat tidak layak untuk memotong cukai daripada mana-mana dividen yang telah dibayar atau dikreditkan kepada pemegang syernya jika—

- (a) setakat 31 Disember 2007 baki 108 syarikat itu ialah sifar;
- (b) setakat mana-mana tarikh dari 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2013 baki 108 atau baki 108 tersemak dikurangkan sehingga menjadi sifar menurut seksyen 47; atau
- (c) syarikat itu telah menggunakan opsiyen yang tidak boleh dibatalkan di bawah seksyen 50.

(2) Jika sesuatu syarikat—

- (a) tidak layak untuk memotong cukai di bawah seksyen ini daripada dividen yang telah dibayar atau dikreditkan kepada mana-mana pemegang syernya; dan
- (b) mengeluarkan kepada mana-mana pemegang syernya suatu sijil yang berupa sebagai menunjukkan bahawa suatu amaun cukai telah dipotong di bawah Bahagian ini

daripada dividen yang dibayar atau dikreditkan kepada pemegang syer itu,

suatu amaun yang bersamaan dengan amaun yang akan menjadi jumlah amaun cukai yang dipotong atau disifatkan telah dipotong, jika seksyen 40, 41 dan 42 terpakai, daripada amaun kasar dividen (yang ditentukan mengikut seksyen 42) yang dibayar atau dikreditkan kepada semua pemegang syernya pada masa dividen itu dibayar atau dikreditkan kepada pemegang syer itu hendaklah menjadi amaun yang kena dibayar oleh syarikat itu kepada Kerajaan dan amaun itu hendaklah dinaikkan dengan suatu amaun yang tidak melebihi amaun yang kena dibayar; dan Ketua Pengarah hendaklah menyampaikan suatu rekuisisi bertulis kepada syarikat itu dalam borang yang ditetapkan meminta syarikat itu membayar amaun yang kena dibayar dan kenaikan atas amaun yang kena dibayar itu, dan amaun itu hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar oleh syarikat itu kepada Kerajaan dan hutang itu hendaklah dibayar dengan serta-merta kepada Ketua Pengarah apabila rekuisisi itu disampaikan:

Dengan syarat bahawa jika syarikat itu memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa sijil itu telah dikeluarkan hanya kepada pemegang syer tertentu yang ditetapkan oleh syarikat itu, hutang itu hendaklah dikurangkan kepada suatu amaun yang ditentukan dengan merujuk kepada sijil yang telah dikeluarkan kepada pemegang syer tertentu itu.

(3) Jika sesuatu syarikat tidak layak untuk memotong cukai ke atas mana-mana dividen yang dibayar atau dikreditkan menurut subseksyen (1), peruntukan Akta ibu hendaklah terpakai bagi dividen itu.

Opsyen untuk tidak mengambil kira baki

50. Walaupun sesuatu syarikat mempunyai baki 108 atau baki 108 tersemak pada bila-bila masa dalam tempoh dari 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2013, syarikat itu boleh dalam tempoh itu menggunakan opsyen yang tidak boleh dibatalkan dalam borang yang ditetapkan untuk tidak memotong cukai di bawah seksyen 40 dan jika opsyen itu dibuat, syarikat itu tidak layak untuk memotong cukai di bawah seksyen itu apabila opsyen itu digunakan.

Tolakan di bawah seksyen 110

51. (1) Seksyen 110 Akta ibu, sebelum pindaan kepada seksyen itu di bawah Akta ini, hendaklah terpakai bagi seseorang selain syarikat luar pesisir (tidak termasuk syarikat luar pesisir yang boleh dikenakan cukai), berkenaan dengan mana-mana cukai yang dipotong di bawah Bahagian ini:

Dengan syarat bahawa orang itu tidak layak kepada mana-mana tolakan di bawah seksyen itu jika—

- (a) dalam hal jika seksyen 40 terpakai, dividen dibayar atau dikreditkan kepada orang itu dalam tempoh dari tarikh orang itu memperoleh syer yang daripadanya dividen dibayar atau dikreditkan kepada tarikh pelupusan syer itu dan tempoh itu adalah kurang daripada 90 hari; atau
- (b) dividen yang dibayar atau dikreditkan tidak berkenaan dengan dividen yang terbit daripada pemegangan syer biasa.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) apa-apa sebutan dalam subseksyen 110(1) Akta ibu sebelum pindaan kepada seksyen itu di bawah Akta ini mengenai “tax which is deducted from any dividend under section 108” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “tax which is deducted from any dividend under section 40 or 41 of this Part”;
- (b) apa-apa sebutan dalam subseksyen 110(13) Akta ibu sebelum pindaan kepada seksyen itu di bawah Akta ini mengenai “tax has been deducted under subsection 108(1) or deemed to have been deducted under subsection 108(2)” dan “excess referred in subsection 108(6) or (9)” hendaklah masing-masing ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “tax which is deducted or would be deducted under section 40 or 41 of this Act” dan “excess in section 48 of this Act”; dan
- (c) pemerolehan syer yang disebut dalam perenggan (1)(a) tidak termasuk pemerolehan syer dalam syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Baki 108 atau baki 108 tersemak selepas 31 Disember 2013

52. Walau apa pun mana-mana peruntukan lain Bahagian ini, jika baki 108 atau baki 108 tersemak syarikat belum lagi digunakan sebahagian atau sepenuhnya setakat 31 Disember 2013, baki itu tidak boleh diambil kira.

Pendapatan berkanun disifatkan jumlah pendapatan

53. Jika bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, pendapatan kasar sesuatu syarikat adalah daripada sumber yang terdiri daripada dividen yang dibayar atau dikreditkan kepada syarikat itu di bawah Bahagian ini, pendapatan berkanun syarikat itu bagi tahun itu berkenaan dengan sumber itu disifatkan sebagai jumlah pendapatan atau sebahagian daripada jumlah pendapatan syarikat itu bagi tahun itu.

Hutang dilepaskan

54. Suatu bayaran yang dibuat dalam melepaskan atau melepaskan sebahagian daripada hutang daripada jenis yang disebut dalam seksyen 48 dan 49 hendaklah dianggap sebagai suatu bayaran cukai bagi maksud seksyen 111 Akta ibu.

Kuasa untuk meremit

55. Walau apa pun seksyen terdahulu Bahagian ini, jika—

- (a) lebih dinaikkan dengan suatu amaun di bawah seksyen 48; atau
- (b) amaun yang kena dibayar dinaikkan dengan suatu amaun di bawah seksyen 49,

Ketua Pengarah boleh mengikut budi bicaranya, atas apa-apa alasan baik yang ditunjukkan, meremitkan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada amaun itu dan, jika amaun yang diremitkan itu telah dibayar, Ketua Pengarah hendaklah membayar balik amaun yang sama.

Cukai hendaklah dipotong

56. Tiap-tiap syarikat yang mempunyai baki 108 atau baki 108 tersemak dan telah membayar atau mengkreditkan dividen pada bila-bila masa dalam tempoh dari 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2013 hendaklah memotong cukai daripada dividen mengikut seksyen 40 melainkan jika syarikat itu telah menggunakan opsi yang tidak boleh dibatalkan di bawah seksyen 50.

Ketidakkajaan

57. Bahagian ini tidak terpakai berkenaan dengan mana-mana dividen atau sebahagian daripadanya yang didebitkan kepada akaun yang dikecualikan atau berkenaan dengan mana-mana dividen atau sebahagian daripadanya yang dikecualikan di bawah subperenggan 5(6) Jadual 7A Akta ibu.

BAB III**PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949****Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Setem 1949**

58. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Pindaan seksyen 2

59. Akta Setem 1949, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan menggantikan takrif “duly stamped” dengan takrif yang berikut:

“ “duly stamped”, as applied to an instrument, means that the instrument bears an adhesive or impressed stamp of not less than the proper amount or the amount of initial duty paid under paragraph 37(1)(c) and that such stamp has been affixed or used in accordance with the law for the time being in force:

Provided that an official receipt for the proper amount or amount of initial duty may be affixed to any instrument in lieu of the stamp, and the instrument shall then be deemed to be duly stamped;”.

Seksyen baru 36A dan 36B

60. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 36 seksyen yang berikut:

“Initial duty

36A. (1) Notwithstanding section 36 but subject to section 36B, the Collector may, on an application made by any person in respect of an instrument for the transfer of an immovable property, assess the initial duty for which the instrument is chargeable.

(2) The application made under subsection (1) shall contain particulars or evidence deemed necessary to prove the facts affecting the liability of the instrument to duty and any valuation report, prepared by a person privately practising as a valuer, on the market value of the immovable property shall for the purposes of this section be sufficient evidence for the Collector to make an assessment on the initial duty for which the instrument is chargeable.

(3) For the purposes of this section, a person shall—

- (a) pay a fee of ten ringgit; and
- (b) furnish in a form of a bank guarantee payable to the Collector, as security for payment of further duty chargeable on the instrument, if any, valid for a period of not less than six months, of which the value of the bank guarantee shall be determined in accordance with the following formula:

$$A - B$$

where A is the duty chargeable on such instrument based on the value of immoveable property where the value is ascertained in accordance with the following formula:

$$Y \quad x \quad \frac{100}{65}$$

where Y is the market value of such property as submitted by that person;

- B is the amount of duty chargeable on such instrument based on the market value submitted by that person.

Additional duty

36B. (1) Where section 36A applies and it appears to the Collector that based on the market value of the property as ascertained by a valuer employed by the Government, the proper amount of duty chargeable on the instrument is higher than the initial duty paid, he may within three months after the payment of the initial duty make an additional assessment on a person liable to pay such duty in the additional amount of duty chargeable.

(2) As soon as may be after the additional assessment has been made under subsection (1) the Collector shall cause a notice of additional assessment to be served on the person liable to pay duty in respect of such assessment.

(3) A notice of additional assessment shall be in appropriate form and shall indicate in addition to any other material included therein—

- (a) the proper amount of duty chargeable, the initial duty paid and amount of additional duty chargeable on the instrument;
- (b) the place at which payment is to be made;
- (c) the increased sum imposed under subsection (6); and
- (d) any right of appeal which may exist under this Act.

(4) The duty chargeable under an assessment shall be due and payable on the service of the notice of additional assessment to the person liable to pay the duty.

(5) Where duty due and payable under subsection (4) has not been paid within thirty days after the service of the notice of additional assessment—

- (a) the Collector shall call upon the bank guarantee furnished to satisfy that amount of duty payable; and

- (b) if the bank guarantee amount is insufficient to satisfy such amount, the remaining duty unpaid, shall without any further notice being served, be increased by an amount of ten per cent of such duty so unpaid.

(6) Where the proper amount of duty chargeable under subsection (1) exceeds the total sum of initial duty paid and bank guarantee furnished, by an amount of more than thirty per cent of that proper amount of duty chargeable, the difference between that amount and thirty per cent of the proper duty chargeable shall be increased by a sum equal to ten per cent of the amount of that difference.

(7) The amount of duty unpaid and the increased amount under paragraph (5)(b), and increased sum under subsection (6) shall be recoverable as a debt due to the Government.”.

Pindaan seksyen 37

61. Seksyen 37 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) When an instrument brought to the Collector under section 36 or 36A is in his opinion one of a description chargeable with duty, and—

- (a) the Collector determined that it is already fully stamped;
- (b) the duty assessed by the Collector under such section, or such a sum as, with the duty already paid in respect of the instrument, is equal to the duty so assessed, has been paid; or
- (c) the initial duty assessed by the Collector has been paid,

the Collector shall certify by indorsement on such instrument that the full duty, or initial duty, stating the amount, with which it is chargeable, has been paid.”.

Pindaan seksyen 38

62. Seksyen 38 Akta itu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “36” perkataan “, 36A”.

Pindaan seksyen 38A

63. Seksyen 38A Akta itu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Any person who is dissatisfied with an assessment or additional assessment of the Collector under section 36 or 36A may, by written notice (referred to in this Act as “notice of objection”), object to the assessment or additional assessment and apply to the Collector to review the assessment or additional assessment.”;

(b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “assessment” di mana-mana jua terdapat perkataan “or additional assessment”;

(c) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan “assessment” perkataan “or additional assessment”;

(d) dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen yang berikut:

“(6) Where, on review, it appears to the Collector that the amount of duty originally or additionally assessed is excessive, he may cancel the original or additional assessment and make such other assessment in substitution of the original or additional assessment and shall serve on the person a notice of substituted assessment.”; dan

(e) dalam subseksyen (8), dengan memasukkan selepas perkataan “to an assessment” perkataan “or additional assessment”.

Pindaan seksyen 39

64. Seksyen 39 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan “that the assessment” perkataan “or additional assessment”; dan
- (b) dalam subseksyen (5), dengan memasukkan selepas perkataan “assessment” perkataan “or additional assessment”.

BAB IV**PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM
(CUKAI PENDAPATAN) 1967****Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967**

65. Seksyen 66 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2009 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan seksyen 16

66. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 16—

- (a) dalam subseksyen (7A), dengan memasukkan selepas perkataan “equipment” perkataan “, or on the alteration or renovation of premises”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (7B) subseksyen yang berikut:

“(7BA) An amount equal to the expenditure incurred by a chargeable person on the provision of infrastructure in relation to his business which is available for public use, subject to the prior approval of the Minister:

Provided that where a deduction has been made under this paragraph, no further deduction of the same amount shall be allowed under subsection 22(1).”.

Pindaan seksyen 22

67. Subseksyen 22(1A) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Department of Museums and Antiquities” dengan perkataan “Department of Museums Malaysia”.

Pindaan seksyen 33

68. Seksyen 33 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “books and other documents” dengan perkataan “books, documents, objects, articles, materials and things”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “books or documents” dengan perkataan “books, documents, objects, articles, materials and things”; dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “books or documents” dengan perkataan “books, documents, objects, articles, materials and things”; dan

Pindaan Jadual Ketiga

69. Jadual Ketiga kepada Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperenggan 1(3) dengan subperenggan yang berikut:

“(3) Two or more hearing of appeals may be heard concurrently at any one time, and if the Chairman of the Special Commissioners—

(a) is presiding at the hearing of one of the appeals, the Special Commissioners present at the hearing of the other appeals;
or

(b) has not been appointed or is not present at the hearing of any of the appeals, the Special Commissioners present at the hearing of the appeal,

shall choose one of their number (who shall be a person with experience of the kind mentioned in subparagraph (1)) to preside at the hearing of the other appeals or appeals, as the case may be.”;

(b) dengan memasukkan selepas perenggan 1 perenggan yang berikut:

“1A. If any one of the Special Commissioners who has commenced hearing any of the appeals is unable to complete the hearing due to expiration of the term of his appointment or other reason, the hearing may, with the consent of both parties, be heard afresh or continued by the remaining Special Commissioners with another Special Commissioner.”;

(c) dalam subperenggan 15(b), dengan memasukkan selepas perkataan “party” perkataan “or may dismiss the appeal if the defaulting party is the appellant”; dan

(d) dengan memasukkan selepas perenggan 21 perenggan yang berikut:

“21A. For the purpose of paragraph 21 “deciding order” includes an order where the Special Commissioners dismiss an appeal under paragraph 15.”.

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LUAR PESISIR LABUAN 1990

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990

70. Bab ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2009 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan seksyen 2

71. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam subseksyen 2(3)—

(a) dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan (a);

(b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (c) dengan perkataan “; atau”; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(d) suatu aktiviti perniagaan luar pesisir yang dijalankan oleh suatu syarikat luar pesisir yang membuat suatu pemilihan di bawah seksyen 3A.”.

Seksyen baru 3A

72. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3 seksyen yang berikut:

“Aktiviti perniagaan luar pesisir yang boleh dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 atas pemilihan

3A. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain Akta ini, sesuatu syarikat luar pesisir yang menjalankan suatu aktiviti perniagaan luar pesisir boleh membuat suatu pemilihan yang tidak boleh dibatalkan dalam borang yang ditetapkan bahawa apa-apa keuntungan syarikat luar pesisir itu bagi mana-mana tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran dan tempoh-tempoh asas yang berikutnya dikenakan cukai mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967 berkenaan dengan aktiviti perniagaan luar pesisir itu.

(2) Pemilihan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dibuat dan dikemukakan kepada Ketua Pengarah tiga bulan sebelum permulaan tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran:

Dengan syarat bahawa bagi tempoh asas yang berakhir pada sesuatu hari dalam tahun taksiran 2008, pemilihan di bawah seksyen ini boleh dibuat dan dikemukakan sebelum 1 Februari 2008.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Setem 1949 (“Akta 378”), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (“Akta 543”) dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 (“Akta 445”).

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

2. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 3B Akta 53. Sekarang ini, suatu syarikat luar pesisir tertakluk kepada peruntukan Akta 445 berkenaan dengan perniagaan luar pesisirnya. Dengan pindaan yang dicadangkan suatu syarikat luar pesisir boleh membuat pilihan yang tidak boleh dibatalkan di bawah seksyen 3A Akta 445 untuk dikenakan cukai di bawah Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

3. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda proviso kepada subseksyen 5(1) Akta 53 berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 109E ke dalam Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, apa-apa pendapatan yang diterima oleh seseorang individu daripada keuntungan yang diagihkan atau dikreditkan oleh seseorang pengendali takaful daripada kumpulan wang keluarga, kumpulan wang takaful semula keluarga atau kumpulan wang am tidaklah diambil kira bagi maksud pengiraan pendapatannya yang boleh dikenakan cukai.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

4. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 6(1)(j) ke dalam Akta 53 bagi mengadakan peruntukan bahawa seseorang peserta dikenakan cukai atas pendapatan yang diagihkan atau dikreditkan oleh seseorang pengendali takaful pada kadar yang dinyatakan di bawah Bahagian XI Jadual 1.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

5. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (1A) ke dalam seksyen 27 Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, apa-apa pendapatan sesuatu syarikat yang terdiri daripada diskaun atau premium daripada penerbitan atau langganan bon dianggap terakru sepanjang tempoh bon itu. Dalam menentukan bahagian diskaun atau premium yang boleh dikenakan cukai bagi setiap tahun taksiran yang termasuk dalam tempoh bon itu, syarikat itu mesti menggunakan pakai formula yang diperuntukkan dalam seksyen itu atau apa-apa formula lain yang selaras dengan amalan perakaunan yang diterima umum.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

6. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda perenggan 34(6)(e) Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, seseorang layak untuk memotong daripada pendapatan kasarnya suatu amaun yang bersamaan dengan perbelanjaan yang dilakukan olehnya bagi pembaikan atau pengubahsuaian premis yang perlu bagi membantu mana-mana orang kurang upaya dalam penggajiannya.

Fasal 8 juga bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 34(6)(ha) ke dalam Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, sesuatu syarikat yang

menyediakan infrastruktur berhubung dengan perniagaannya yang boleh digunakan oleh orang awam dan diluluskan oleh Menteri, layak mendapat suatu potongan yang bersamaan dengan perbelanjaan yang dilakukan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

7. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 34c ke dalam Akta 53. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa dalam hal jika diskaun atau premium daripada penerbitan atau langganan bon dilakukan sebagai suatu perbelanjaan syarikat, perbelanjaan itu dianggap terakru bagi keseluruhan tempoh bon itu. Suatu formula diperkenalkan bagi menentukan amaun perbelanjaan yang dibenarkan sebagai potongan bagi setiap tahun taksiran dalam tempoh bon itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

8. *Fasal 10* antara lain, bertujuan untuk meminda seksyen 44 Akta 53 untuk memperuntukkan peluang untuk institusi atau organisasi merayu jika terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah di bawah subseksyen 44(6) Akta 53.

Pindaan ini selain perenggan 10(a) dan (d) mula berkuat kuasa apabila mula berkuat kuasa Akta ini. Perenggan 10(a) dan (d) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

9. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda perenggan 44A(10)(d) Akta 53 disebabkan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Projek Bahan Makanan yang Diluluskan) 2006 [*P.U. (A) 55/2006*].

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

10. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(f) Akta 53. Sekarang ini, potongan diberikan bagi fi yang dibelanjakan bagi bidang pengajian terhad di peringkat tinggi. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk meluaskan potongan itu kepada semua bidang yang diambil pada peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 12 juga bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 46(1)(k) ke dalam Akta 53 bagi mengadakan peruntukan bagi potongan maksimum setakat tiga ribu ringgit berhubung dengan amaun yang didepositkan ke dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional oleh seseorang individu bagi anaknya dalam suatu tahun taksiran.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 12 juga bertujuan untuk memasukkan perenggan 46(1)(l) ke dalam Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, potongan diberikan kepada

seseorang individu bagi amaun yang dibelanjakan atau dianggap dibelanjakan bagi pembelian apa-apa kelengkapan sukan terhad kepada amaun maksimum sebanyak tiga ratus ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

11. *Fasal 13* bertujuan untuk memotong seksyen 46A Akta 53 oleh sebab potongan bagi seseorang individu atas faedah yang dibelanjakan untuk membiayai pembelian hartanah kediaman tidak lagi relevan dan terpakai di bawah Akta ini.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

12. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 60AA Akta 53 bagi mengadakan peruntukan spesifik untuk menentukan pecukaian perniagaan takaful yang terdiri daripada perniagaan perpaduan keluarga, perniagaan am, perniagaan takaful semula alir masuk, perniagaan takaful luar pesisir dan perniagaan takaful semula. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk menangani kehendak pematuhan syariah seperti pembayaran fi *wakalah* yang dibayar oleh peserta kepada pengendali takaful bagi menguruskan kumpulan wang takaful, agihan keuntungan kepada peserta mengikut acuan *mudharabah*, bagaimana *qard* yang dibayar oleh pengendali diperlakukan dan fi pengurusan yang dilakukan oleh pengendali itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Berbangkit daripada ini, *fasal 22* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 109E ke dalam Akta 53 akibat daripada pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 60AA Akta 53 dalam *fasal 15*. Pindaan yang dicadangkan menghendaki seseorang pengendali takaful untuk membuat potongan daripada amaun keuntungan yang diagihkan daripada kumpulan wang keluarga, kumpulan wang takaful semula keluarga atau kumpulan wang am kepada peserta pada suatu kadar yang terpakai bagi pendapatan itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

13. *Fasal 16* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 60I ke dalam Akta 53. Seksyen baru yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa jika sesuatu syarikat menubuhkan suatu pengantara yang bertujuan khas semata-mata bagi penerbitan sekuriti Islam, apa-apa pendapatan daripada pengantara bertujuan khas ini akan dicukai sebagai pendapatan syarikat itu dan pengantara bertujuan khas ini tidak dikehendaki mematuhi mana-mana peruntukan Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

14. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda subseksyen 80(1) dan (2) Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bahawa Ketua Pengarah boleh, dalam menjalankan

kuasanya di bawah seksyen 80 Akta 53, mempunyai akses penuh dan bebas tidak hanya kepada buku dan dokumen tetapi juga kepada objek, artikel, bahan dan benda.

Pindaan ini berkuat kuasa apabila mula berkuat kuasa Akta ini.

15. *Fasal 19* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 107c(4A) ke dalam Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, sesuatu syarikat yang baru ditubuhkan dengan modal berbayar sebanyak dua juta lima ratus ribu ringgit dan kurang tidak dikehendaki untuk mengemukakan anggaran cukai atau membuat bayaran ansuran cukai bagi tempoh dua tahun bermula dari tahun taksiran syarikat itu mula beroperasi.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

16. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda seksyen 108 Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bahawa cukai tidak boleh dipotong daripada apa-apa dividen yang dibayar atau dikreditkan oleh sesuatu syarikat kepada mana-mana pemegang syernya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

17. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 110 Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bahawa berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 108, jika sesuatu syarikat tidak lagi dibenarkan untuk membuat potongan cukai atas apa-apa dividen yang dibayar atau diagihkan, tiada tolakan di bawah seksyen 110 akan diberikan kepada pemegang syer bagi cukai yang dikenakan atas pendapatan boleh dikenakan cukai pemegang syer itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

18. *Fasal 24* bertujuan untuk memotong seksyen 110A Akta 53 berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 108 Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

19. *Fasal 25* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 110B ke dalam Akta 53. Pada masa ini, pendapatan boleh dikenakan cukai bagi suatu kumpulan wang hayat bagi seseorang penginsurans dikenakan cukai pada kadar lapan peratus. Bagi mengelakkan pencukaian dua kali, pindaan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa jika lebih aktuari daripada kumpulan wang hayat seseorang penginsurans dipindahkan kepada kumpulan wang pemegang syer, bahagian lebih yang telah dikenakan cukai dalam kumpulan wang hayat itu boleh dibenarkan sebagai suatu tolakan bagi cukai yang boleh dikenakan ke atas pendapatan boleh dikenakan cukai seseorang penginsurans berkenaan dengan kumpulan wang pemegang syernya daripada perniagaan hayat.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

20. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda subseksyen 111(1A) Akta 53 untuk memudahkan pelaksanaan Sistem Taksiran Sendiri bagi hal selain syarikat. Dengan pindaan yang dicadangkan, jika sesuatu syarikat telah membayar cukai melebihi amaun yang kena dibayar oleh sebab apa-apa tolakan cukai di bawah seksyen 110, penyata cukai pendapatan yang dikemukakan itu disifatkan sebagai suatu pemberitahuan cukai boleh bayar balik dan pemberitahuan itu juga disifatkan telah disampaikan pada hari penyata itu dikemukakan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

21. *Fasal 27* bertujuan untuk memotong seksyen 111A Akta 53 berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 108 Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

22. *Fasal 28* bertujuan untuk memotong perenggan 120(1)(g) Akta 53 berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 108 Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa apabila mula berkuat kuasa Akta ini.

23. *Fasal 30* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 142A ke dalam Akta 53. Seksyen baru yang dicadangkan mengadakan peruntukan bahawa rekod elektronik atau salinan atau cetakan daripada rekod elektronik bagi borang yang ditetapkan yang dikemukakan, atau apa-apa dokumen lain yang disimpan, disampaikan atau diterima melalui atau dengan medium elektronik, boleh diterima sebagai keterangan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

24. *Fasal 31* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 152A(3), (4), (5) dan (6) ke dalam Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, seseorang boleh memberi kepada seseorang ejen cukai kuasa untuk mengemukakan bagi pihaknya apa-apa penyata melalui pemfailan elektronik. Orang yang memberi ejen itu kuasa dikehendaki membuat perisytiharan dalam borang yang ditetapkan yang mengandungi pemberian kuasa dan pengesahan bahawa maklumat yang diberikan kepada ejen itu adalah benar dan betul. Sebaliknya, ejen cukai itu dikehendaki membuat perisytiharan dalam penyata dengan menyatakan bahawa penyata itu telah disediakan mengikut maklumat yang diberikan oleh orang yang memberinya kuasa.

Pindaan ini berkuat kuasa apabila mula berkuat kuasa Akta ini.

25. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda subseksyen 153(6) Akta 53 bagi memperuntukkan bahawa apa-apa kelulusan atau pembaharuan sebagai ejen cukai boleh, diberikan bagi tempoh minimum dua puluh empat bulan atau apa-apa tempoh lain yang diluluskan oleh Menteri.

Pindaan ini disifatkan berkuat kuasa pada 21 Februari 2007.

26. *Subfasal 33(a)* bertujuan untuk meminda Bahagian I Jadual 1 kepada Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan itu, kadar cukai bagi syarikat termasuk syarikat yang baginya perenggan 2A Bahagian I Jadual 1 terpakai, badan amanah, wasi (bagi harta pusaka seseorang individu yang mati yang berdomisil di luar Malaysia pada masa kematiannya) dan seseorang penerima dikurangkan daripada 27 peratus kepada 26 peratus bagi tahun taksiran 2008 dan 25 peratus bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subfasal 33(b) bertujuan untuk meminda Bahagian X Jadual 1 kepada Akta 53 bagi memperuntukkan bahawa kadar cukai bagi mana-mana pendapatan yang diagihkan oleh suatu unit amanah kepada pemegang unit syarikat bukan pemastautin dikurangkan daripada 27 peratus kepada 26 peratus, bagi tahun taksiran 2008 dan 25 peratus bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subfasal 33(c) bertujuan untuk memasukkan Bahagian XI dan XII ke dalam Jadual 1 kepada Akta 53. Bahagian XI baru yang dicadangkan memperuntukkan bahawa pendapatan daripada keuntungan atau perkadaran daripada keuntungan itu yang diagihkan atau dikreditkan kepada seseorang peserta selain peserta yang merupakan syarikat pemastautin dikenakan cukai pada kadar kasar 8 peratus dan peserta yang merupakan syarikat bukan pemastautin dikenakan cukai pada kadar kasar 26 peratus bagi tahun taksiran 2008 dan pada kadar kasar 25 peratus bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya. Bahagian XII baru yang dicadangkan memperuntukkan bahawa pendapatan daripada kumpulan wang keluarga atau pengendali takaful daripada perniagaan keluarga, selain pendapatan daripada perniagaan takaful perpaduan keluarga semula dan perniagaan takaful perpaduan keluarga alir masuk semula dikenakan cukai pada kadar 8 peratus.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

27. *Fasal 34* bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 38A ke dalam Jadual 3 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika suatu aset dilupuskan oleh sesuatu syarikat kepada suatu pelaburan hartanah amanah, tiada kenaanimbangan akan dikenakan di bawah Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

28. *Subfasal 35(a)* bertujuan untuk meminda subperenggan 1(3) Jadual 5 kepada Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, dua persidangan atau lebih oleh Pesuruhjaya Khas boleh diadakan secara serentak.

Subfasal 35(b) juga bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 1A ke dalam Jadual 5 kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa dalam hal jika seseorang Pesuruhjaya Khas tidak dapat menyelesaikan perbincangan itu atas apa-apa sebab, perbincangan itu, dengan persetujuan kedua-dua pihak, disambung oleh Pesuruhjaya Khas yang lain.

Subfasal 35(c) dan *(d)* selanjutnya bertujuan untuk memberi Pesuruhjaya Khas kuasa untuk menolak sesuatu rayuan jika perayu kepada rayuan tidak hadir pada masa dan tempat yang ditetapkan bagi sesuatu perbincangan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuat kuasa Akta ini.

29. *Subfasal 36(a)* dan *(b)* bertujuan untuk memasukkan masing-masing perenggan baru 12B ke dalam Jadual 6 dan meminda subperenggan 13(1) Jadual 6 kepada Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, apa-apa dividen yang diterima oleh seseorang akan dikecualikan daripada cukai. Ini disebabkan oleh pengenalan sistem pencukaaian satu lapis yang sesuatu syarikat tidak lagi dikehendaki untuk memotong cukai daripada apa-apa dividen yang dibayar atau dikreditkan. Sebagai tambahan, apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan dividen itu tidak diambil kira bagi maksud Akta.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subfasal 36(d) juga bertujuan untuk meminda subsubperenggan 25(1)(c) Jadual 6 kepada Akta 53 bagi memperuntukkan suatu pengecualian atas apa-apa jumlah yang diterima oleh seseorang dalam bentuk gratuiti apabila mencapai umur persaraan wajib pada 50 tetapi sebelum 55 tahun dan orang itu telah berkhidmat bagi tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun dengan majikan yang sama.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2007 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subfasal 36(f) dan *(g)* bertujuan masing-masing untuk meminda perenggan 33A dan memasukkan perenggan baru 33B ke dalam Jadual 6 kepada Akta 53 untuk memasukkan pengecualian bagi faedah yang dibayar atau dikreditkan kepada sesuatu syarikat yang bukan pemastautin di Malaysia berkenaan dengan sekuriti yang diterbitkan dalam apa-apa mata wang. Pindaan yang dicadangkan ini juga mengecualikan faedah yang dibayar atau dikreditkan kepada seseorang individu bukan pemastautin berkenaan dengan sekuriti yang diterbitkan selain Ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

30. *Fasal 37* bertujuan untuk meminda subperenggan 8(d) Jadual 7A kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa selepas tahun taksiran 2010, tiada elaun pelaburan semula akan diberikan kepada mana-mana projek yang dijalankan bagi mengubah sesuatu perniagaan menternak ayam dan itik daripada suatu reban terbuka kepada suatu sistem reban tertutup.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuat kuasa Akta ini.

31. Bab II Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Bab III Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

32. *Fasal 59* bertujuan untuk meminda takrif “duly stamped” dalam seksyen 2 Akta 378.

33. *Fasal 60* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 36A ke dalam Akta 378 bagi memperuntukkan bahawa seseorang boleh memohon bagi suatu surat cara pindah hakmilik harta tak alih untuk disetemkan berdasarkan kepada suatu laporan nilai hartanah yang dikemukakan oleh orang itu. Sebagai tambahan kepada laporan penilaian swasta, orang itu dikehendaki mengemukakan suatu jaminan dalam bentuk jaminan bank, bagi pembayaran duti tambahan sekiranya penilaian hartanah oleh Kerajaan itu adalah lebih tinggi daripada yang dikemukakan itu.

Fasal 60 juga bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 36B ke dalam Akta 378 untuk memberi Pemungut kuasa untuk membuat taksiran tambahan dalam hal jika amaun sebenar duti yang dikenakan atas suatu surat cara adalah lebih tinggi daripada duti permulaan yang dibayar. Atas penyerahan taksiran itu, orang yang ditaksir itu hendaklah membayar amaun duti tambahan dalam tempoh tiga puluh hari, jika gagal, Pemungut boleh menggunakan jaminan bank itu bagi menjelaskan amaun yang belum dibayar.

34. *Fasal 61* bertujuan meminda subseksyen 37(1) Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa jika duti permulaan telah dibayar berkenaan dengan sesuatu surat cara, Pemungut hendaklah membuat suatu perakuan bagi bayaran itu dan perakuan surat cara itu dianggap telah disetemkan dengan sewajarnya bagi maksud Akta 378.

35. *Fasal 62* bertujuan untuk meminda seksyen 38A Akta 378 untuk memberi hak merayu kepada mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan taksiran tambahan yang dibuat oleh Pemungut di bawah seksyen 36 atau 36A Akta 378.

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM
(CUKAI PENDAPATAN) 1967

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Pindaan di bawah Bab ini, selain pindaan di bawah *fasal 66*, mula berkuat kuasa apabila mula berkuat kuasa Akta itu. *Fasal 66* mula berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2009 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

36. *Fasal 66* bertujuan untuk meminda subseksyen 16(7A) Akta 543. Dengan pindaan yang dicadangkan, seseorang layak untuk memotong daripada pendapatan kasarnya suatu amaun yang bersamaan dengan perbelanjaan yang dilakukan olehnya atas pembaikan atau pengubahsuaian premis yang perlu bagi membantu mana-mana orang kurang upaya dalam penggajiannya.

Fasal 66 juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 16(7BA) ke dalam Akta 543. Dengan pindaan yang dicadangkan, orang yang dikenakan cukai yang menyediakan infrastruktur berhubung dengan perniagaannya yang boleh digunakan oleh orang awam dan diluluskan oleh Menteri, layak mendapat suatu potongan yang bersamaan dengan perbelanjaan yang dilakukan.

37. *Fasal 68* bertujuan untuk meminda subseksyen 33(1) dan (2) Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah boleh, dalam menjalankan kuasanya di bawah seksyen 33 Akta 543, mempunyai akses penuh dan bebas tidak hanya kepada buku dan dokumen tetapi juga kepada objek, artikel, bahan dan benda.

38. *Subfasal 69(a)* bertujuan untuk meminda subperenggan 1(3) Jadual Ketiga kepada Akta 543. Dengan pindaan yang dicadangkan, dua persidangan atau lebih oleh Pesuruhjaya Khas boleh diadakan secara serentak untuk mendengar rayuan.

Subfasal 69(b) juga bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 1A ke dalam Jadual Ketiga kepada Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa dalam hal jika seseorang Pesuruhjaya Khas yang telah memulakan suatu rayuan tidak dapat menyelesaikan perbicaraan itu oleh sebab habis tempoh pelantikannya atau apa-apa sebab lain, perbicaraan itu boleh, dengan persetujuan pihak-pihak, didengar semula atau disambung oleh Pesuruhjaya Khas yang lain.

Subfasal 69(c) selanjutnya bertujuan untuk memberi Pesuruhjaya Khas kuasa untuk menolak sesuatu rayuan jika perayu kepada rayuan itu tidak hadir pada masa dan tempat yang ditetapkan untuk perbicaraan.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LUAR PESISIR LABUAN 1990

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990. Bab ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2009 dan tahun taksiran yang berikutnya.

39. *Fasal 71* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(3) Akta 445 berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan kepada seksyen baru 3A Akta 445.

40. *Fasal 72* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 3A ke dalam Akta 445 untuk memperuntukkan bahawa sesuatu syarikat luar pesisir boleh membuat suatu pemilihan yang tidak boleh dibatalkan untuk dikenakan cukai mengikut peruntukan Akta 53 berkenaan dengan aktiviti perniagaan luar pesisirnya. Pemilihan itu hendaklah dibuat dalam suatu borang yang ditetapkan tiga bulan sebelum permulaan kuat kuasa suatu tahun taksiran.

AM

41. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2614]